

Kutipan derma RLAF bagi pelarian Syria

YAYASAN Rahmatan Lil Alamin (RLAF) akan menganjurkan kutipan derma khas bagi rakyat Syria yang meninggalkan tanah air mereka yang sedang dicengkam perang saudara.

Kotak derma berpelekat 'Singapore Muslim Community's Special Collection In Aid of Syrian Refugees' (Pengumpulan Dana Khas Masyarakat Muslim Singapura Bagi Membantu Pelarian Syria) akan ditempatkan di kesemua 69 masjid bermula esok hingga 10 April.

Orang ramai boleh juga menderma dalam bentuk tunai atau cek yang ditujukan kepada RLAF dan ditulis *Special Collection in Aid of Syrian Refugee* di belakangnya.

Wang tunai dan cek itu boleh dikirimkan ke Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) di Hab Islam Singapura, No. 273 Braddell Road, Singapura 579702.

Derma boleh juga dibuat secara dalam talian melalui laman www.muis.gov.sg/epayment/Donations.aspx.

RLAF menyatakan dalam satu kenyataan semalam bahawa hasil kutipan itu, yang dilaksanakan dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Rahmatan Lil Alamin, akan diserahkan kepada penganjur projek Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (AS-

RIT).

Penganjur projek tersebut, Rangkaian Ekspatriat Muslim AMP (MEX) dan Simply Islam, telah memperoleh permit daripada pihak berkuasa bagi menjalankan kutipan dana itu.

Mereka juga menjalin hubungan kerjasama dengan sebuah agensi bantuan kemanusiaan di Turkey, Kimse Yok Mu (KYM).

"RLAF gembira menyumbang kepada usaha masyarakat bagi membantu usaha kemanusiaan ini," ujar RLAF dalam kenyataannya.

Perang saudara di Syria berlarutan lebih tiga tahun dan lebih 2.5 juta rakyatnya telah melarikan diri mendapatkan perlindungan di negara-negara seperti Turkey, Jordan, Lebanon, Iraq dan Mesir.

Di Turkey sahaja terdapat lebih 600,000 pelarian Syria, separuh daripada mereka adalah kanak-kanak yang kehilangan keluarga, rumah, sekolah serta keselesaan dan keselamatan yang mereka nikmati sebelum ini.

Penderitaan yang mereka lalui meninggalkan kesan fizikal dan psikologi dan mengambil masa yang lama untuk diatasi.

Oleh itu, ujar RLAF, masyarakat Islam Singapura harus memainkan peranan membantu mengatasi keperitan, penderitaan dan trauma yang mereka lalui sekarang.